

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) perkembangan dan status terkini dari 1 Jun 2014 hingga 28 Februari 2015) pembinaan hospital di Parlimen Kapar dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
  
- (b) perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10 dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan bermulanya proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mempunyai perancangan untuk membina sebuah lagi hospital di Klang bagi mengatasi masaalah kesesakan yang berlaku di Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang. Tapak projek yang telah dikenalpasti adalah di Kapar, Klang. Buat masa ini, KKM sedang di peringkat perolehan tanah bagi pembangunan hospital baru ini. Projek ini akan dicadangkan untuk pelaksanaan didalam RMK11 yang akan datang setelah proses perolehan tanah selesai.
- b) Projek Klinik Kesihatan Kapar Baru sedang di peringkat perancangan pelan susunatur tapak oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor. Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, bangunan klinik baru yang dirancang ini terletak di dalam sebahagian kawasan Klinik Kesihatan Kapar sedia ada. Pembangunan projek ini hanya melibatkan perobohan dan perpindahan perkhidmatan di beberapa bangunan sedia ada termasuk bangunan klinik pergigian, stor dan kuarters kakitangan sahaja sementara bangunan utama klinik sedia ada masih boleh terus beroperasi. Sehubungan itu, perancangan pelan tapak perlu dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan operasi klinik sedia ada tidak terganggu semasa kerja pembinaan dijalankan kelak. Selain dari itu, pihak JKR juga perlu membuat kerja ukur dan kajian tanah bagi memastikan tapak pembangunan yang dicadang sesuai serta tidak mempunyai laluan utiliti bawah tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan. Pelan tapak Klinik Kesihatan Kapar Baru ini dijangka dapat dimuktamadkan pada bulan April 2015 dan tender projek pula dijangkakan pada bulan September 2015. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan sebelum akhir tahun 2015.